

Headline	Tiada arahan umrah hanya melalui Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	3	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	98 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,277
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,831



Tiada arahan umrah hanya melalui Tabung Haji

PUTRAJAYA 6 Feb. – Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Kementerian Kewangan tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan atau arahan yang menghendaki umat Islam melakukan umrah hanya melalui Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

Kementerian itu dalam satu kenyataan memberitahu, tuduhan berkenaan yang dilemparkan oleh pihak tidak bertanggungjawab adalah langsung tidak berasas.

“Kementerian telah membuat laporan polis untuk melaporkan penyebaran maklumat palsu dan juga akan

membuat aduan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

“Ingin ditegaskan sekali lagi di sini bahawa tidak sekali-kali pernah Menteri Kewangan, mahupun kementerian mengeluarkan arahan seperti dinyatakan dalam artikel *Malaysia Today*,” katanya di sini hari ini.

Menurut kementerian, artikel bertajuk *Guan Eng akan bunuh perniagaan Melayu* yang diterbitkan dalam portal *Malaysia Today* kelmarin adalah laporan berita palsu bertujuan kemarahan orang ramai.